

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan PEMBELIAN BIL PERTUKARAN-i (BEP-i) Maybank Islamic. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma am)

Nama Produk:
PEMBELIAN BIL PERTUKARAN-i (BILLS EXCHANGE PURCHASED-i atau BEP-i)

Tarikh:

[Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan untuk diisi oleh Kakitangan Jualan]

1. Apakah produk ini?

- PEMBELIAN BIL PERTUKARAN-I (“BEP-I”) ADALAH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN YANG DISEDIAKAN OLEH BANK UNTUK MEMBIAYAI JUALAN/EKSPORT PELANGGAN SELEPAS PENERIMAAN DOKUMEN JUALAN/EKSPORT.
- PENGELASAN BEP-I ADALAH SEPERTI BERIKUT:
 - A) PEMBELIAN BIL PERTUKARAN TEMPATAN-I (DBEP-I), IAITU BIL PERTUKARAN YANG DIBELI OLEH BANK DAN DIMAJUKAN KE CAWANGAN KAMI ATAU BANK LAIN DI MALAYSIA; ATAU
 - B) PEMBELIAN BIL PERTUKARAN ASING-I (FBEP-I), IAITU BIL YANG DIBELI OLEH BANK DAN DIMAJUKAN KE CAWANGAN ATAU BANK KAMI DI LUAR MALAYSIA.

2. Apakah kontrak Syariah yang terpakai?

Kontrak Syariah yang diguna pakai ialah Bai’ al Dayn bi Al Sila yang merujuk kepada penjualan hutang secara tukaran dengan komoditi. Pelanggan menjual barangan secara kredit kepada pengimport. Pelanggan menyediakan dokumen eksport/jualan cth. invoice dan dokumen penghantaran seperti yang diperlukan di bawah kontrak jualan atau surat kredit dan menyerahkannya kepada bank. Bank kemudiannya menghantar dokumen eksport/jualan ke bank pembeli/pengimport.

Bank membeli koleksi dokumentari jualan/eksport pada harga yang dipersetujui bersama (pada harga diskaun).

Harga belian BEP-i hendaklah dibayar oleh bank kepada pelanggan dalam bentuk komoditi seperti yang ditentukan oleh bank. Pertimbangan bayaran adalah bersamaan dengan amaun yang hendaklah berdasarkan harga dan terma seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

Sebagai agen yang dilantik oleh pelanggan, bank akan menjual komoditi kepada mana-mana peniaga komoditi atau mana-mana pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh Bank untuk mendapatkan wang tunai. Hasil akan dikreditkan ke akaun pelanggan dengan serta-merta.

Setelah matang atau menerima hasil jualan daripada pembeli/pengimport, bank pembeli/pengimport kemudiannya akan menyerahkan hasil kepada bank secara sekaligus.

3. Apakah yang saya dapat daripada produk ini?

BIL YANG DITERIMA-i

▪ Amaun kemudahan	Amaun pembiayaan yang diluluskan adalah mengikut budi bicara bank
▪ Margin pembiayaan	Sehingga 100% daripada nilai invoice
▪ Tempoh pembiayaan	Sehingga 6 bulan
▪ Kadar harga / keuntungan	DBEP-i: BFR atau COF + margin FBEP-i: Kadar Tukaran Matawang Asing + margin
▪ Kadar Diskaun	Akan ditentukan semasa hari pembiayaan
▪ Konsep syariah	Bai’ Al Dayn bi Al Sila

4. Apakah kewajipan saya?

- Untuk membayar hasil serta yuran dan caj yang berkaitan pada tarikh akhir pembayaran.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

▪ DUTI SETEM	BERDASARKAN AKTA SETEM 1949
▪ CAJ PENGENDALIAN	RM50 SETIAP TRANSAKSI
▪ YURAN DAN CAJ LAIN	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN LAIN. CTH: YURAN GUAMAN DAN CAJ LAIN YANG DITANGGUNG DALAM PENYEDIAAN SEMUA KESEMPURNAAN DOKUMENTASI DAN PEMELIHARAAN DOKUMEN JAMINAN BANK.

SILA RUJUK PAUTAN DI BAWAH UNTUK YURAN DAN CAJ TERKINI.

https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/business/trade/sme/other/trade_finance_operational_charge_page

6. Bagaimana jika saya gagal menunaikan kewajipan saya?

▪ HAK UNTUK TOLAK (SET-OFF)	BANK BOLEH MEMBERI NOTIS KEPADA ANDA, MENGGABUNGAN, MENYATUKAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN DAN LIABILITI ANDA DENGAN BANK DAN BOLEH MENETAPKAN ATAU PINDAHKAN SEBARANG JUMLAH TERTUNGGAK KEPADA KREDIT MANA-MANA AKAUN TERSEBUT DI DALAM ATAU KE ARAH MEMENUHI MANA-MANA LIABILITI ANDA KEPADA BANK DI BAWAH FASILITI.
▪ CAJ BAYARAN LEWAT (LPC)	<p>A. BANK BERHAK DIBERIKAN PAMPASAN KE ATAS BAYARAN TERLEWAT DAN/ATAU KEGAGALAN MEMBAYAR SELEPAS MATANG/PENGHAKIMAN (MANA YANG LEBIH AWAL) PADA KADAR LAZIM PASARAN WANG ANTARABANK ISLAM SEMALAMAN (IIMM) ATAS BAKI TERTUNGGAK DAN BAKI YANG BERKENAAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI MASA KE SEMASA.</p> <p>B. NAMUN, JUMLAH LPC YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN TIDAK AKAN DIKOMPANAKAN LAGI.</p> <p>NOTA: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIMULAKAN JIKA ANDA GAGAL BERTINDAK KEATAS NOTIS PERINGATAN.</p>

7. Bagaimana jika saya menyelesaikan kemudahan tersebut sepenuhnya sebelum kematangannya?

Tempoh <i>lock in</i>	Tiada
Bayaran penalti penyelesaian awal	Tiada

8. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful/insurans?

Tidak perlu.

9. Apakah risiko-risiko utama?

Jika anda gagal menyelesaikan BEP-i yang telah matang, anda tidak dibenarkan untuk menggunakan kemudahan tersebut dan proses pemulihan termasuk proses undang-undang mungkin diambil terhadap anda untuk mendapatkan semula amaun yang perlu dibayar. Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembayaran anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?

Adalah penting anda memaklumkan sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda secara tepat masa. Untuk mengemas kini butiran perhubungan anda, sila lawati mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang sesuai untuk anda.



11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan?

i) jika anda mengalami kesulitan membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Nama cawangan : _____

Alamat : _____

Tel/Faks : _____ E-mail : _____

ii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Tel : 03-2616 7766 Laman web : services.akpk.gov.my

iii) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di pautan atau telepautan :

Block D, Bank Negara Malaysia

jalan dato' onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465

Faks : 03-21741515 Email : bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di:

Cawangan:

Alamat :

Tel :

E-mail:

Penafian

Maklumat, terma-terma dan syarat-syarat dalam lembaran pendedahan produk ini adalah indikatif dan tidak mengikat di bank. Terma-terma dan syarat-syarat akhir dinyatakan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh bank.

Nota penting:

Bank berhak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap anda sekiranya anda gagal membayar kewajipan pembayaran anda ke atas pembiayaan.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah mulai [month/year].